

Malaysia ulangi pendirian

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, hari ini mengulangi pendirian Malaysia mahukan askar Vietnam berundur sepenuhnya dan tanpa syarat dari Kampuchea.

Pengunduran itu, tegasnya, mestilah dalam tempoh jangka waktu yang ditetapkan dan dikawal oleh sebuah badan penyelesaian antarabangsa yang diiktiraf.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan demikian kepada Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach yang mengunjungi beliau di pejabatnya, di sini. Encik Nguyen adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini.

Encik Ghafar berharap rundingan menerusi proses yang ditawarkan oleh Mesyuarat Tidak Rasmi Jakarta Mengenai Masalah Kampuchea (JIM II) diberi perhatian wajar.

Pilihan

Ini bagi mencapai penyelesaian masalah Kampuchea yang muktamad, tegas dan berkekalan, katanya dalam satu kenyataan kepada pemberita selepas pertemuan kedua-dua pemimpin itu.

"Tidak harus ada cara penyelesaian yang berat sebelah atau wujud penipuan di mana-mana," tegasnya.

Menurut beliau, penyelesaian yang berat sebelah bukan pilihan rakyat Kampuchea

mahupun negara-negara rantau ini.

Sehubungan itu, Encik Ghafar meminta Vietnam menggunakan sepenuhnya kuasanya bagi mempengaruhi puak Hun Sen supaya bersikap tolak ansur dan sedia memahami masalah yang dihadapi.

"Dengan itu, usaha menyatukan rakyat Kampuchea dalam pemerintahan Putera Norodom Sihanouk dapat dicapai," katanya.

Beliau turut mengulangi pendirian Malaysia mahukan negara Kampuchea yang berkuasa, berkecuali dan merdeka.

Katanya, negara Kampuchea yang aman dan stabil dapat membantu mewujudkan keadaan yang sama di seluruh rantau Asia Tenggara, selaras dengan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).

Mengenai isu pelarian Vietnam, Timbalan Perdana Menteri mahu Vietnam memberi kerjasama sepenuhnya ke arah menyelesaikan masalah berkenaan.

Beliau berharap Vietnam dapat menerima cadangan bertindak yang akan dirumuskan dalam Mesyuarat Permulaan Persidangan Antarabangsa Mengenal Masalah Pelarian Vietnam di sini, mulai 7 hingga 9 Mac depan.

Dalam hal ini, Encik Co Thach yakin Kerajaannya akan memberikan kerjasama penuh ke arah mencapai matlamat itu.